

22 APR 1996  
CAPAM-Sarji  
SARJI DILANTIK PRESIDEN CAPAM

Oleh: Salbiah Said

MALTA, 22 April (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dilantik sebagai presiden Persatuan Komanwel bagi Pentadbiran dan Pengurusan Awam (CAPAM).

Ahmad Sarji, bekas naib presiden, dilantik pada mesyuarat lembaga pengarah berkenaan di Hotel San Gorg Corinthia di sini semalam. Mesyuarat itu kemudian diteruskan dengan perasmian persidangan dwitahunan kedua CAPAM di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini semalam, menyampaikan ucapan dasar pada persidangan empat hari itu. Perdana Menteri Malta Dr Edward Fenech-Adami merasmikan persidangan itu yang menarik penyertaan 51 negara anggota.

Naib presiden lembaga pengarah itu ialah Menteri Perkhidmatan dan Pentadbiran Awam Afrika Selatan Dr Zola Skweyiya dengan presiden Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Kanada Ruth Hubbard mengekalkan jawatannya sebagai bendahari.

Anggota-anggota lain ialah Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perkhidmatan Awam Uganda E.T.S Adriko; Menteri Pelancongan dan Pengangkutan Seychelles Simone De Comarmond; Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Perlindungan Merit Australia Peter Shergold; Setiausaha Rendah Tetap Kementerian Pertahanan U.K. Richard Mottram; Anggota Setiausaha Suruhanjaya Perancangan India N.R. Ranganathan; Ketua Eksekutif Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet New Zealand Simon Murdoch; Pengerusi Unit Sistem Pengurusan Malta Joseph V. Tabone.

Bekas presiden yang lepas ialah Menteri Hal Ehwal Luar dan Menteri Pentadbiran Awam dan Penerangan Awam, Pejabat Perdana Menteri Trinidad dan Tobago, Gordon Draper.

Ahmad Sarji akan membentangkan kertas kerja mengenai "Penyediaan Perkhidmatan Berkualiti Tinggi" pada Rabu yang akan mengutarakan beberapa usaha Malaysia untuk mengekalkan standard cemerlang dalam kualiti penyaluran perkhidmatan awam.

Persidangan itu yang bertemakan "Pentadbiran Awam Baru: Cabaran-cabaran Sejagat-Penyelesaian Tempatan" akan menumpukan terhadap unsur-unsur perubahan bersama dalam sebarang bentuk pemulihan semula institusi seperti pertubuhan, orang ramai dan teknologi maklumat.

CAPAM yang ditubuhkan pada pertengahan 1994 bertujuan bertukar maklumat mengenai usaha pembaharuan semula kerajaan di kalangan 51 buah negara anggota serta memperbaiki saingan pengurusan dan kecemerlangan pertubuhan dalam kerajaan.

Ia juga bertujuan bertukar-tukar pengalaman mengenai kemajuan dan inovasi baru dalam pengurusan kerajaan dengan menjalinkan rangkaian di kalangan penggubal dasar dan pentadbiran yang terkemuka di samping menyediakan maklumat tambahan mengenai amalan terbaik dalam pentadbiran kerajaan. -- BERNAMA

SS CR PR